

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B.DATO' HAJI MOHD ZAIM BIN ABU HASAN
(PARIT)**

PERTANYAAN : BERTULIS

Y.B.DATO' HAJI MOHD ZAIM BIN ABU HASAN [PARIT] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk mewujudkan Undang-Undang Anti Ali Baba bagi menyekat tindak tanduk golongan tertentu yang cuba membantutkan usaha Kerajaan memajukan usahawan Bumiputera.

JAWAPAN

Dasar dan peraturan semasa yang sedang berkuat kuasa sememangnya melarang kontraktor yang telah dilantik bagi sesuatu projek untuk menjual/menyerahhak/mengsubsewa keseluruhan projek kepada kontraktor lain. Agensi Kerajaan terutamanya penyelia projek

hendaklah melaporkan dengan segera kepada Pusat Khidmat Kontraktor (PKK), Kementerian Kewangan dan CIDB sekiranya terdapat asas yang menunjukkan bahawa projek di bawah seliaannya telah dijual atau dilaksanakan sepenuhnya oleh kontraktor lain.

2. Tindakan tatatertib seperti menyenarai hitam syarikat dan ahli lembaga pengarah syarikat boleh dilaksanakan selaras dengan usaha Kerajaan untuk mewujudkan komuniti perniagaan yang berdisiplin, berintegriti serta mengamalkan tadbir urus yang baik semasa berurusan dengan Kerajaan.